LEMBARAN PEMBERITAHUAN PRODUK
untuk Insurans FIRE CONSEQUENTIAL LOSS 365

KURNIA INSURANS by Liberty Insurance

NOTA PENTING: Sila baca Lambaran Pemberitahuan Produk ini sebelum anda memutuskan untuk mengambil Polisi Insurans Fire Consequential Loss 365. Pastikan anda juga membaca dengan terperinci terma-terma dan syarat-syarat amnya.

Kontrak Insurans Pengguna

Menurut **Perenggan 5 Jadual 9** Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, sekiranya anda memohon untuk Insurans ini semata-mata **untuk tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda**, anda mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah munasabah untuk tidak melakukan sebarang salah nyata apabila menjawab soalan-soalan dalam Borang Cadangan (atau apabila anda memohon untuk insurans ini). Anda mesti menjawab soalan-soalan dengan sepenuhnya dan tepat. Kegagalan untuk mengambil langkah-langkah munasabah untuk menjawab soalan-soalan boleh mengakibatkan pembatalan kontrak insurans anda, penolakan atau pengurangan tuntutan anda, perubahan terma-terma atau penamatan kontrak insurans anda. Kewajipan pernyataan di atas akan berterusan sehingga masa kontrak insurans anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami. Selain daripada menjawab soalan-soalan dalam Borang Cadangan (atau apabila anda memohon insurans ini), anda perlu mendedahkan sebarang perkara lain yang anda tahu akan berkaitan keputusan kami untuk menerima risiko dan menentukan kadar dan terma-terma dikenakan. Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda dikuatkuasakan, diubah atau diperbaharui dengan kami, mana-mana maklumat yang diberikan dalam Borang Cadangan (atau apabila anda memohon insurans ini) adalah tidak tepat atau telah berubah.

Kontrak Insurans Bukan Pengguna

Menurut Perenggan 4(1) Jadual 9 di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, sekiranya anda memohon Insurans bagi tujuan berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda bertanggungjawab untuk memberitahu segala perkara yang berkaitan dengan keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang bakal diguna pakai dan apa-apa perkara yang seseorang yang munasabah dalam keadaan ini boleh dijangka untuk tahu adalah berkaitan; jika tidak, ini boleh menyebabkan kontrak terbatal, penolakan atau pengurangan tuntutan, penukaran terma atau penamatan kontrak.Tanggungjawab pendedahan ini bagi Kontrak Insurans Pengguna dan Bukan Pengguna akan berterusan sehingga masa kontrak tersebut dibuat, diubah atau diperbaharui. Anda juga mempunyai tanggungjawab memaklumkan kepada kami dengan segera sekiranya pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda dibuat, diubah atau diperbaharui dengan pihak kami, sebarang maklumat yang diberikan adalah tidak tepat atau telah berubah.

1. **Apakah produk insurans ini?**
   Polisi ini melindungi anda daripada kerugian menjana untung, punca pendapatan, duit sewa, caj tetap, upah atau gaji berdasarkan senarai gaji, dan/atau penambahan kos kerja ke atas sebarang gangguan perniagaan akibat kebakaran, disambar kilat, letupan domestik dan/atau lain-lain jenis bencana lanjut.

2. **Apakah jenis perlindungan/manfaat yang diberikan?**
   Anda boleh memilih untuk menginsuranskan mana-mana yang berikut:
   - Kehilangan Keuntungan Kasar (berdasarkan perbezaan atau perlindungan asas tambahan)
   - Kerugian Pendapatan Kasar
   - Kehilangan Hasil Sewaan Kasar
   - Caj-caj Tetap sahaja
   - Upah (pada Dasar Berkembar atau 100% atau Pro rata)
   - Upah dan Gaji berdasarkan Senarai Gaji
   - Peningkatan Modal Kerja sahaja

   Tempoh perlindungan ialah selama satu (1) tahun dan anda dikehendaki membaharui polisi insurans anda setiap tahun.

3. **Berapakah premium yang perlu saya bayar?**
   Jumlah premium yang anda perlu bayar adalah berbeza bergantung kepada Jumlah Perlindungan, jenis perniagaan/pekerjaan di premis, lanjutan jenis bencana yang diperlukan dan keperluan pengunderaitan kami.

Jumlah Diinsuranskan : RM_____
Kadar Asas Dikenakan : _____%
Premium Tambahan : RM_____
Jumlah premium anggaran yang anda perlu bayar ialah: : RM_____

Nota: Polisi ini tertakluk kepada bayaran premium minimum sebanyak RM75.00.

4. Apakah jenis fi dan caj-caj yang perlu saya bayar?
Fi dan caj-caj yang anda perlu bayar ialah:

Jenis	Amaun
Cukai perkhidmatan	Tertakluk kepada kadar semasa seperti yang dikenakan oleh Kerajaan Malaysia
Duti setem	RM10.00
Komisen ejen atau jika terdapat pengantara yang terlibat	15% daripada premium

5. Apakah terma-terma dan syarat-syarat utama yang harus saya ambil perhatian?

- Anda dikehendaki memaklumkan ejen insurans anda atau pihak kami dengan memberi notis bertulis tentang sebarang perubahan penting sepanjang tempoh perlindungan polisi untuk memastikan pindaan-pindaan yang wajar diendorskan pada polisi anda.
- Polisi ini mencerminkan terma-terma dan syarat-syarat kontrak insurans seperti yang persetujui antara Anda dan Kami.
- Anda harus memastikan harta anda diinsuranskan pada amaun yang berpatutan dengan mengambil kira pengubahsuaian yang dilakukan pada harta tersebut seolah-olah nilai semasa kerugian, kemusnahan atau kerosakan secara terkumpul adalah lebih besar daripada jumlah yang diinsuranskan. Jika tidak, anda akan dianggap sebagai menanggung sendiri perbezaan tersebut dan mengikut kadar yang setimpal dengan kerugian itu.
- Insurans ini tertakluk kepada warranti premium enam puluh (60) hari, iaitu premium tertunggak yang mesti dibayar dan diterima oleh pihak kami dalam tempoh enam puluh (60) hari dari tarikh polisi berkuat kuasa. Sekiranya syarat ini tidak dipatuhi, polisi ini akan batal secara automatik dan kami berhak mendapat premium pro rata sepanjang tempoh kami menanggung risiko.
- Anda boleh menginsurans harta anda berdasarkan jumlah anggaran dengan mengambil kira Keuntungan Kasar / Hasil Kasar / Sewa Kasar bagi tahun sebelum, seperti yang tertera dalam penyata akaun anda termasuk jangkaan keuntungan bagi tahun semasa, jika ada. Jika jumlah sebenar yang diperolehi adalah kurang daripada anggaran jumlah yang diinsuranskan, pulangan premium secara pro rata tidak melebihi lima puluh peratus (50%) daripada peruntukan premium yang telah dibayar akan dibuat oleh pihak kami kepada anda berdasarkan perbezaan nilai tersebut.
- Polisi ini akan terbatal jika syarikat anda digulung atau diteruskan oleh Likuidator atau Pemegang Amanah Raya atau kekal tutup.

Nota: Polisi Insurans Fire Consequential Loss 365 ini hanya boleh diberikan kepada anda apabila Polisi Insurans Fire 365 diambil dengan kami.

6. Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?
Polisi ini tidak melindungi kerugian tertentu, seperti:

a) kerugian oleh kejadian luar biasa yang timbul ketika gangguan berlaku
b) kerugian oleh sekatan yang dikenakan oleh pihak berkuasa terhadap rekonstruksi atau operasi perniagaan
c) kerugian akibat kekurangan kapital yang mencukupi untuk pemulihan atau penggantian harta yang musnah, rosak atau hilang dengan segera
d) kerugian akibat pembakaran harta di bawah perintah oleh mana-mana Pihak Berkuasa Awam
e) kebakaran bawah tanah, letusan secara spontan
f) gempa bumi, letupan gunung berapi, taufan, hurikan atau lain-lain konvulsi semulajadi atau gangguan atmosfera
g) peperangan, pencerobohan, pemberontakan, revolusi, rusuhan, kekacauan awam
h) bahan senjata nuclear, radiasi atau pencemaran
i) apa-apa tindakan keganasan

Nota: Senarai ini tidak lengkap sepenuhnya. Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk senarai pengecualian penuh di bawah polisi ini.

7. Bolehkah saya membatalkan polisi ini dan bagaimana untuk membatalkan?
Anda boleh batalkan polisi anda dengan memberi notis bertulis kepada pihak kami. Berikutan pembatalan anda berhak menerima jumlah premium yang akan dikembalikan setelah ditolak dengan premium berdasarkan kadar jangka pendek kami untuk tempoh polisi yang telah kuat kuasa, tertakluk kepada premium minimum yang harus dikekalkan oleh kami. Tiada premium akan dikembalikan jika suatu tuntutan telah dibuat di bawah polisi ini.

Jadual Kadar Jangka Pendek

Tempoh Tidak Melebihi	Pengembalian Premium Tahunan
1 bulan	80%
2 bulan	70%

3 bulan	60%
4 bulan	50%
5 bulan	40%
6 bulan	30%
7 bulan	25%
8 bulah	20%
9 bulan	15%
10 bulan	10%
11 bulan	5%
Tempoh melebih 11 bulan	Tiada pengembalian

8. Apakah yang harus saya lakukan jika terdapat perubahan kepada butiran perhubungan saya?
Adalah penting bagi anda untuk memaklumkan kami mengenai sebarang perubahan kepada butiran hubungan anda untuk memastikan bahawa semua hal surat-menyurat akan sampai kepada anda tepat pada masanya.

9. Dimanakah boleh saya mendapatkan maklumat yang lebih lanjut?
Jika anda mempunyai apa-apa pertanyaan, sila hubungi kami di:

Liberty General Insurance Berhad
Eksekutif Perkhidmatan Pelanggan, Pusat Hubungan Pelanggan
Liberty Insurance Tower,
CT9, Pavilion Damansara Heights,
3, Jalan Damanlela,
Pusat Bandar Damansara,
50490 Kuala Lumpur.
No. Tel : +603 2268 3333 (Talian Am) atau

Maklumat hubungan untuk semua jenama kami boleh didapati di bawah:

Saluran Hubungan Liberty Insurance
Talian Khas Liberty Insurance: 1300 888 990
E-mel: customer@libertyinsurance.com.my
Laman Web: www.libertyinsurance.com.my

Saluran Hubungan Kurnia Insurans
Talian Khas Kurnia Insurans: 1 800 88 3833
E-mel: customer@kurnia.com
Laman Web: www.kurnia.com

Saluran Hubungan AmAssurance
Talian Khas AmAssurance Insurance: 1 800 88 6333
E-mel: customer@amassurance.com.my
Laman Web: www.amassurance.com.my

10. Jenis perlindungan Insurans Kebakaran lain yang tersedia:
- Kerugian Turutan Kebakaran[Tariff]
- Loss of profit
- Loss of profit (Enhanced)

NOTA PENTING

ANDA PERLU MEMASTIKAN BAHAWA HARTA ANDA DIINSURANSKAN PADA JUMLAH YANG SEWAJARNYA. ANDA HENDAKLAH MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ANDA ATAU TERUS MENGHUBUNGI SYARIKAT INSURANS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

Liberty General Insurance Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia untuk berurus niaga semua kelas perniagaan insurans am.

Maklumat yang disediakan dalam lembaran pemberitahuan ini diterbitkan pada 28/11/2024 dan adalah sah sehingga semakan berkala yang berikutnya.

VER0125